

## **BAB KEEMPAT**

**CARA-CARA BERLAKUNYA  
PEMINJAMAN DAN SYARAT-  
SYARATNYA.**

**BAB - 4: CARA-CARA MELAKUKAN PEMINJAMAN DAN SYARAT-SYARATNYA.**

Dalam bab ini akan dijelaskan tentang dua perkara utama berkaitan dengan peminjaman ini .

Pertama: Mengenai cara-cara melakukan peminjaman yang telah dibuat oleh para ulama dan ahli linguistik Arab yang berkaitan dengan apakah antara perubahan-perubahan yang berlaku ke atas perkataan-perkataan yang dipinjam setelah ianya digunakan di dalam bahasa Arab.

Kedua: Mengenai syarat-syarat peminjaman yang telah diletakkan oleh para ulama dan ahli linguistik Arab serta perselisihan pendapat di kalangan mereka dalam menentukan syarat-syarat tersebut. Kemudian akan dijelaskan juga natijah dari perselisihan mereka.

Penjelasan mengenai perkara di atas akan dibahagikan kepada dua fasal seperti berikut:-

**4-1: CARA-CARA MELAKUKAN PEMINJAMAN.**

Peminjaman perkataan-perkataan asing ke dalam bahasa Arab dilakukan melalui beberapa cara. Antaranya seperti berikut:-

4-1-1: DENGAN CARA TIDAK DIUBAH , BAHKAN DIKEKALKAN DALAM BENTUK ASALNYA.

Apabila berlakunya peminjaman, didapati sebahagian daripada perkataan-perkataan yang dipinjam itu tidak diubah , bahkan dikekalkan dalam bentuk asalnya. Ianya digunakan atau dituturkan dalam bahasa Arab sebagaimana diguna dan dituturkan di dalam bahasa asalnya. Ini kerana perkataan seperti itu dari segi huruf-huruf dan bunyinya sama dengan huruf-huruf dan buni yang terdapat di dalam bahasa Arab.

Antara sebab yang lain ialah kerana perkataan pinjaman tersebut tidak boleh dihubungkaitkan atau dikiaskan dengan mana-mana wazan ḥarfi yang terdapat di dalam bahasa Arab.

Setelah ianya dipinjam ke dalam bahasa Arab, perkataan seumpama ini tidak boleh dihitung sebagai bahasa Arab bahkan masih dikira sebagai bahasa asing.<sup>(1)</sup>

Antara contohnya ialah :-

|                 |  |
|-----------------|--|
| خُرَاسَانٌ      | <i>(Khurāsān)</i> . <sup>(2)</sup>     |
| الْتِلِيفُونُ   | <i>(al-tilīfūn)</i> . <sup>(3)</sup>   |
| الْجَلَابَقُ    | <i>(al-jalābaq)</i> . <sup>(4)</sup>   |
| الْتِلِيغْرَافُ | <i>(al-tilīghrāf)</i> . <sup>(5)</sup> |
| الْتِلِيسْكُوبُ | <i>(al-tiliskūb)</i> . <sup>(6)</sup>  |

4-1-2: DIKEKALKAN DALAM BENTUK ASALNYA, SERTA DIKIASKAN DENGAN PERKATAAN ARAB.

Terdapat pula sebahagian daripada perkataan-perkataan yang dipinjam itu dikekalkan di dalam bentuk asalnya, dituturkan sebagaimana bunyi asalnya dan boleh dikiaskan dengan salah satu wazan ḥarfi yang ada di dalam bahasa Arab atau ianya dihubungkaitkan dengan perkataan Arab.

Perkataan-perkataan seumpama ini setelah dipinjam ke dalam bahasa Arab, dikira sebagai sebahagian daripada bahasa Arab.<sup>(7)</sup>

Antara contohnya ialah:-

حُرْرَم (khurram) dikiaskan dengan perkataan Arab سُلَام (sullam).<sup>(8)</sup>

كُرْكُم (kurkum) dikiaskan dengan perkataan Arab قُمْقُم "qumqum".<sup>(9)</sup>

شُبَارِق (syubāriq) dikiaskan dengan perkataan Arab عُذَّافِر (udhāfir).<sup>(10)</sup>

رُزْدَاق (ruzdāq) dikiaskan dengan perkataan Arab قِرْطَاس (qirtās).<sup>(11)</sup>

4-1-3: DIUBAH DARI BENTUK ASAL SERTA DIHUBUNGKAITKAN DENGAN PERKATAAN ARAB.

Terdapat pula sebahagian perkataan yang dipinjam itu

diubah bentuk dari perkataan asalnya dan dituturkan dengan berbagai bentuk baru supaya sesuai dengan pola perkataan dan bunyi bahasa Arab.

Cara melakukan peminjaman pada perkataan-perkataan dalam kategori ini adalah seperti berikut:-

- a) Menukar sesuatu huruf kata asalnya kepada huruf Arab yang hampir sama dari segi makhraj (*daerah artikulasi*).

Contohnya ialah:-

Perkataan **جَرْم** (*jarm*) berasal daripada bahasa Farsi iaitu **کَرْم** (*karm*). Peminjaman dilakukan secara menukar huruf (ج) dengan huruf (ك).<sup>(12)</sup>

Perkataan **صَرْد** (*sard*), ianya berasal daripada perkataan Farsi **سَرْد** (*sard*), cara melakukan peminjamannya ialah menukar huruf (ص) dengan huruf (س).<sup>(13)</sup>

Perkataan **دَسْت** (*dast*), berasal daripada perkataan Farsi iaitu **دَسْت** (*dasyt*), cara melakukan peminjamannya ialah menukar huruf (د) dengan huruf (س).<sup>(14)</sup>

- b) Dengan menukar huruf asalnya kepada huruf Arab

walaupun berbeza jauh dari segi makhrajnya.

Contohnya ialah:-

Perkataan كُرْبَاج (kurbaq) atau كُرْبَق (kurbaq), berasal daripada perkataan Farsi iaitu کُرْبَج (Kurbah). Cara berlaku peminjaman padanya ialah menukar huruf (ه) dengan huruf (ئ) atau huruf (ق).<sup>(15)</sup>

Perkataan كُرْرَاز (kurraz), berasal daripada perkataan Farsi iaitu کُرَّاه (kurrah). Cara berlaku peminjamannya ialah menukar huruf (ه) dengan huruf (ج).<sup>(16)</sup>

c) Dengan cara menukar dan menambahkan huruf Arab sebagai menggantikan huruf pada kata asalnya.

Contohnya ialah:-

Perkataan اَرَنْدَاج (arandaj), ianya berasal daripada perkataan Farsi iaitu رَنْدَاه (randah), perubahan yang dilakukan ialah dengan menambahkan huruf (ا) selepas awal perkataan dan dengan menukar huruf (ه) dengan huruf (ئ).<sup>(17)</sup>

Perkataan سَرَّاْوِيل (sarāwīl), perkataan asalnya ialah شِيرْوَال (syirwāl), cara berlaku peminjamannya ialah menambah huruf (ا) selepas (ر), menukar

huruf ( ش ) dengan huruf ( س ) dan huruf ( ئ ) sebelum akhir dengan huruf ( ي ).<sup>(17)</sup>

Perkataan إِسْمَاعِيل (Ismā'īl) perkataan asalnya ialah إِسْمَاعِيل (Isymāwīl), cara berlaku peminjamannya ialah dengan menukar huruf ( ش ) dengan huruf ( س ) dan menukar huruf ( ، ) dengan huruf ( ع ).<sup>(18)</sup>

d) Peminjaman juga berlaku dengan cara mengurangkan huruf dan menukar huruf asal dengan huruf baru daripada bahasa Arab.

Contohnya ialah:-

Perkataan بَهْرَاج (bahraj) ianya berasal daripada bahasa Farsi iaitu نَبَهَرَة (Nabharah). Cara berlaku peminjaman padanya ialah dengan dibuangkan huruf ( ن ) pada perkataan asal dan ditukarkan huruf ( ه ) dengan huruf ( ئ ).<sup>(19)</sup>

Perkataan قِيرْمَان (qirmān). Perkataan asalnya ialah قَهْرَمَان (qahramān). Cara berlaku peminjaman padanya ialah dengan membuangkan huruf ( ه ) daripada perkataan asalnya.<sup>(20)</sup>

e) Dengan cara menukar baris sahaja manakala bentuk perkataan dan huruf-huruf padanya dikekalkan dalam bentuk

perkataan asal.

Contohnya ialah:-

Perkataan سرتاب (sardāb) yang berasal daripada bahasa Farsi . Dituturkan dengan سرتاب (sirdāb) di dalam bahasa Arab, iaitu dengan menukar baris pada huruf ( س ) daripada *fathah* kepada *kasrah*.<sup>(21)</sup>

Perkataan مردقوس (Mardaqūsy) ianya berasal daripada bahasa Farsi . Apabila berlaku peminjaman padanya dituturkan dengan مردقوس (Murduqūsy) iaitu dengan menukar baris pada huruf ( م ) daripada *dammah* kepada *fathah*.<sup>(22)</sup>

- f) Dengan cara menukar huruf dan baris pada perkataan pinjaman.

Contohnya ialah:-

Perkataan سکر (sukkar) , bentuk perkataan asalnya ialah شکر (syakara). Cara peminjamannya ialah dengan menukar huruf ( ش ) menjadi huruf ( س ) dan menukar baris *fathah* pada huruf( س ) menjadi *dammah*.<sup>(23)</sup>

- g) Terdapat juga perkataan pinjaman yang dituturkan dalam berbagai bentuk sama ada dengan ditambah huruf atau dikurangkan, begitu juga dengan baris dan makhrajnya ditutur dengan berbagai bunyi.

Contoh ialah:-

Perkataan **أَجُرٌ** (*ajurr*) , ianya ditutur dalam berbagai bentuk seperti **أَجْرٌ** (*ajur*), **يَاجُورُ** (*yājūr*), **أَجْرُونَ** (*ajirūn*), **أَجْرَةٌ** (*ajirrat*) dan **أَجْرَةٌ** (*ajurrat*). <sup>(24)</sup>

Perkataan **بغْدَادٍ** (*Baghdað*), juga ditutur dalam bentuk-bentuk seperti **بغْدَادٍ** (*Baghdaðh*) , **بغْدَانٍ** (*Baghdaðan*) dan **مَغْدَانٍ** (*Magħdaðan*). <sup>(25)</sup>

#### 4-1-4: DIUBAH DARI BENTUK ASALNYA TETAPI TIDAK DIHUBUNGKAITKAN DENGAN PERKATAAN ARAB.

Di antara cara melakukan peminjaman juga ialah sesuatu perkataan pinjaman itu diubah daripada bentuk asalnya tetapi tidak dihubungkaitkan atau tidak disesuaikan dengan mana-mana wazan sarfi bahasa Arab.

Contohnya ialah:-

Perkataan **سِفْسِيرٌ** (*sifsir*) ianya berasal daripada bahasa Farsi **سِمْسَارٌ** (*simsār*). <sup>(26)</sup>

Perkataan **شَاهِنْشَاهٌ** (*syahansyāh*), ianya berasal daripada perkataan Farsi, bentuk asalnya tersusun dari dua perkataan iaitu **شَاهَانَ** (*syāhān*) dan **شَاهٌ** (*syāh*). <sup>(27)</sup>

Perkataan سُلَاحْفَاتٌ (*sulahfāt*), berasal dari perkataan Farsi yang tersusun dari dua perkataan iaitu سُلَاحٌ (*sūlākh*) dan بَأْيٌ (*Bay*). <sup>(28)</sup>

Contoh-contoh perkataan di atas menunjukkan bagaimana iaanya dipinjam dan telah diubah dari bentuk asalnya tetapi semua perkataan tersebut tidak boleh dikiaskan dengan wazan-wazan şarfi yang terdapat di dalam bahasa Arab.

Daripada keterangan dan contoh-contoh di atas, dapat diketahui bahawa di antara cara melakukan peminjaman yang telah dilakukan oleh orang-orang Arab ialah dengan mengubah bunyi atau menukar setengah huruf pada perkataan asal kepada gaya bunyi dan huruf Arab. Selanjutnya mereka menukar huruf (ب) kepada huruf (ف) atau menukar huruf (ه) kepada (ق) atau (ز).

Ini dapat dilihat daripada contoh-contoh berikut:-

Perkataan بَسْتَاهٌ (*bastah*) apabila dipinjam menjadi فَسْتَاقٌ (*fastaq*).

Perkataan بَالُودْهَاهٌ (*bālūdhah*) menjadi فَالْوَدْجَاج (*fālaudzaj*). <sup>(29)</sup>

Pertukaran atau perubahan seperti ini amatlah mustahak bagi mereka supaya tidak ada di dalam bahasa Arab huruf-huruf yang bukan huruf Arab dan supaya tidak ada

kejanggalan bunyi, bahkan ianya menjadi sesuai dengan bentuk dan gaya pertuturan bahasa Arab itu sendiri.

Mengikut pendapat setengah daripada kalangan mereka, bahawa bilangan huruf Arab yang biasanya menjadi tukaran kepada huruf perkataan pinjaman ialah sepuluh huruf.

Lima daripadanya amat perlu ditukarkan kepadanya iaitu (ا), (ب), (غ), (ك), (ق).

Manakala lima huruf lagi tidak semesti ditukarkan kepadanya iaitu huruf-huruf (س), (ز), (ج) (ع), (ش).<sup>(30)</sup>

Adapun huruf-huruf yang wajib ditukarkan ialah huruf yang berada pada perkataan pinjaman yang tiada padanan dengan huruf Arab.

Contohnya:-

Perkataan كرباج (kurbaq), huruf (ك) pada awal perkataan itu ialah tukaran daripada huruf asal yang makhrajnya antara (ك) dan (غ) di dalam bahasa Arab.<sup>(31)</sup>

Perkataan قرباج (qurbaq), huruf (ق) pada awal perkataan ini ialah tukaran daripada bunyi makhraj huruf (ك) dan (غ) di dalam bahasa Arab yang berada pada perkataan asalnya.<sup>(32)</sup>

Perkataan فرند (firind), huruf (ف) pada

awal perkataan ini ialah tukaran daripada bunyi huruf asalnya iaitu bunyi antara (ب) dan (ف). Oleh sebab itu kadang-kadang ditukarkan kepada (ف) menjadi فِرْنَد (firind) dan kadang-kadang ditukarkan kepada (ب) menjadi بِرْنَد (birind).<sup>(33)</sup>

Manakala huruf yang tidak semestinya menjadi tukaran kepada huruf yang terdapat pada perkataan pinjaman ialah huruf yang terdapat padanya keserupaan dengan huruf Arab dari segi bentuk atau bunyi, tetapi kadang-kadang pertukaran berlaku juga padanya.

Sebagai contoh:-

Perkataan اسمائيل (Ismā'īl), asalnya ialah إِسْمَاعِيل (Ismā'īl), ditukarkan huruf (ش) dengan huruf (س) dan huruf (ل) dengan huruf (ع), pertukaran tersebut berlaku kerana makhrajnya hampir sama.<sup>(34)</sup>

Perkataan قَفْسَلِيل (qafṣalīl), perkataan asalnya ialah كَفْجَلَاز (kafjalāz), ditukarkan huruf (ك) dengan huruf (ق), huruf (ف) dengan huruf (ش) dan huruf (ل) dengan huruf (ل).<sup>(35)</sup>

#### 4-1-5: ANALISIS KEPADA CARA MELAKUKAN PEMINJAMAN.

Apa yang telah dijelaskan di atas bersekali dengan

contoh-contohnya merupakan setengah daripada cara peminjaman yang telah dilakukan oleh para ahli gramatika dan linguistik Arab.

Kalau kita perhatikan dengan terperinci banyak lagi cara lain atau perubahan yang dilakukan oleh mereka ke atas perkataan peminjaman semasa berlakunya peminjaman.

Walaupun banyak cara-cara yang boleh dilakukan oleh mereka, kita lihat terdapat kerumitan atau kelemahan mereka dalam menghadapi limpahan perkataan dan istilah-istilah asing yang masuk ke dalam bahasa Arab khususnya di zaman moden ini, kerana bahasa asing juga mempunyai pola yang tidak kurang banyaknya. Ini kerana setiap bahasa itu mempunyai kaedah-kaedah tersendiri dan dalam setengah keadaan kadang-kadang ianya lebih istimewa daripada bahasa lain. Oleh sebab itu apa yang telah disebut di atas dikira sebagai setengah daripada cara dan contoh, bukannya sesuatu yang tetap.

Oleh sebab itu telah menjadi kewajipan kepada para ulama dan ahli linguistik Arab masa kini mengambil inisiatif terhadap perkembangan bahasa Arab itu sendiri sebelum membuat sesuatu peminjaman supaya sesuai dengan perkembangan bahasa tersebut.

Untuk mengatasi kesulitan seperti ini Dewan Bahasa Arab di Mesir telah membuat beberapa keputusan, antaranya

*"Harus bagi pihak Dewan Bahasa Arab menggunakan setengah perkataan asing di masa dharurat (amat perlu) dengan cara peminjaman sebagaimana yang telah dilakukan oleh orang-orang Arab."* (36).

Ketetapan ini menyebut "*Harus melakukan peminjaman di waktu amat perlu*" kerana Dewan ini pada ketetapannya yang lain telah mengutamakan perkataan-perkataan Arab yang silam yang telah sedia ada daripada perkataan peminjaman kecuali jika perkataan peminjaman itu lebih dikenali umum. (37)

Dewan Bahasa Arab Mesir begitu prihatin terhadap proses peminjaman supaya di waktu berlakunya peminjaman, pada asasnya para ulama dan ahli linguistik hendaklah menggunakan kaedah dan cara yang telah sedia ada. Dalam pada itu pihak Dewan telah membuat beberapa keputusan bertujuan untuk meluaskan medan peminjaman ini, kerana setengah peminjaman yang hendak dilakukan pada zaman moden ini tidak dapat dilakukan jika hanya semata-mata berdasarkan kepada kaedah dan cara yang telah sedia ada, seperti peminjaman yang berdasarkan pengkiasan kepada wazan ḥarfi bahasa Arab untuk menjadikannya sebatی dengan bahasa Arab. Ini kerana pada hakikatnya wazan ḥarfi bahasa Arab yang telah sedia ada tidak memadai untuk dijadikan miqyas kepada semua bentuk perkataan yang dipinjam terutama peminjaman yang berlaku pada berbagai

istilah yang telah masuk ke dalam bahasa Arab melalui berbagai bidang ilmu khususnya pada zaman moden ini.<sup>(38)</sup>

Dengan realiti yang berlaku pada zaman akhir-akhir ini juga kita dapat mengetahui adanya perbezaan cara peminjaman yang dilakukan orang-orang Arab silam dengan apa yang dilakukan oleh mereka di zaman moden ini.

Sebagai contoh :-

Perkataan فردوس (firdaus) atau perkataan خشاف (Khasyāf) , pada kedua-duanya terdapat huruf (ف), yang pada hakikatnya ianya adalah gantian daripada bunyi antara huruf (‘) dan (ب) pada perkataan asalnya. Para ulama dan ahli linguistik silam menggantikan bunyi tersebut dengan huruf (ف).<sup>(39)</sup>

Perkataan پور (pūr), apabila dipinjam maka huruf (پ) digantikan dengan huruf (ف) , jadi perkataan ini dituturkan dengan (فور) "fur".

Kita dapat mengetahui cara ulama dan ahli linguistik silam menukar huruf (پ) dengan huruf (ف) iaitu berasaskan kepada cara sebutan dan bunyi suara, kerana huruf (پ) dan (ف) kedua-duanya bunyi konsonan tidak bersuara, hanya berlainan pada cara sebutan, iaitu huruf (ف) bunyi geseran manakala huruf (پ) bunyi letupan .<sup>(40)</sup>

Bagi ahli linguistik moden pula apabila mereka melakukan

peminjaman pada perkataan yang terdapat padanya huruf (ب) mereka menukar huruf ini kepada huruf (ب) bukannya kepada huruf (ف) sebagaimana yang telah dilakukan oleh ulama di zaman silam.

Sebagai contoh:-

Perkataan *جُنْدُل* (*patrūl*) apabila dipinjam dituturkan dengan *بَتْرُل* (*batrūl*), kedua-dua huruf (ب) dan (ب) adalah sama pada bunyi konsonannya iaitu letusan bibir, perbezaan hanya pada daerah sebutan iaitu huruf (ب) bunyi letusan bibir bersuara manakala huruf (ب) bunyi letusan bibir tak bersuara.<sup>(41)</sup>

Dari dua cara peminjaman ini kita dapat mengetahui perbezaan cara di antara dua golongan.

Para ahli linguistik dan ulama silam memindahkan sesuatu perkataan asing ke dalam bahasa Arab dengan bergantung kepada pendengaran dan pertuturan atau dengan cara riwayat yang dipindah melalui mulut ke mulut, manakala bentuk tulisan menjadi perkara kedua bagi mereka.

Manakala ahli linguistik dan gramatika moden pula, semasa mereka memindahkan perkataan asing, mereka bergantung kepada bentuk tulisan dan penglihatan, jadi oleh kerana lambang (P) hampir sama bentuknya dengan

lambang (B) mereka telah menukar antara keduanya, sebab itu mereka menulis huruf (P) di dalam bahasa Arab dengan huruf (پ).<sup>(42)</sup>

Di antara sebab mengapa ahli linguistik moden bergantung kepada bentuk tulisan dan penglihatan ialah kerana peminjaman di zaman moden lebih tertumpu kepada perkataan-perkataan yang berhubung dengan ilmu-ilmu moden yang telah berkembang pesat. Mereka mengkaji dan meminjam perkataan-perkataan tersebut melalui berbagai bentuk kamus dan jarang sekali mereka memindahkan perkataan peminjaman ini melalui cara pertuturan dari mulut ke mulut sebagaimana yang dilakukan oleh ahli linguistik silam.

Dengan berbezaan di atas juga kita dapat mengetahui bahawa peminjaman yang berlaku di zaman moden ini berlaku dengan cara yang lebih meluas .

Untuk tujuan ini Dewan Bahasa Arab Mesir telah membuat beberapa keputusan. Antaranya, dengan berpandu dan berdasarkan kepada cara yang telah sedia ada, peminjaman boleh juga dilakukan dengan cara lain, seperti dengan cara menambahkan sebahagian daripada perkataan asing pada akhir sesuatu perkataan itu.

Sebagai contoh, di waktu melakukan peminjaman ke atas nama unsur-unsur bahan kimia yang di akhir perkataannya

diri dari suku kata (I,U,M) suku kata ini dipinjamkan  
angan (بُنْم). (43)

Contohnya perkataan-perkataan berikut :-

الْمُنِيَّعُونَ (almuniyūm).

بُوتَاسِيَّونَ (butāsiyūm).

كَلْسِيَّونَ (kalsiyūm).

Berdasarkan kepada cara di atas juga peminjaman telah dilakukan pada setengah istilah-istilah dengan cara ditambah di akhir sesuatu perkataan pinjaman pola *masdar al-sinai*. (44).

Contohnya ialah:-

تِبْرُوْقَرَاطِيَّةٌ (Tiyūqrātiyyat).

دِيمُوْقَرَاطِيَّةٌ (Dimūqrātiyyat).

دِيْكَتَاتُورِيَّةٌ (Diktātūriyyat).

بِيرُوْقَرَاطِيَّةٌ (Birūqrātiyyat).

Kempar-empat contoh diatas boleh dikiaskan dengan perkataan dalam bahasa Arab seperti:-

الْحُرْرِيَّةٌ (al-Hurriyyat).

الْعُبُودِيَّةٌ (al-'Ubūdiyyat).

الْإِنْسَانِيَّةٌ (al-Insāniyyat).

الْمَارْكِسِيَّةٌ (al-Markasiyyat).

Pada waktu melakukan peminjaman istilah-istilah asing juga kita dapati mereka mengandakan perkataan pinjaman

dengan perkataan Arab khususnya perkataan-perkataan mengenai berbagai jenis istilah.

Kadang-kadang kata depannya perkataan Arab manakala kata akhirnya perkataan pinjaman.<sup>(45)</sup>

Contohnya ialah:-

حَمْدُ النَّمْلِيْكِ (*hamd al-namliķ*).

حَمْدُ الْأَبَنِيْكِ (*hamd al-labanīķ*).

Kadang-kadang kata depannya perkataan pinjaman manakala kata akhirnya perkataan Arab.<sup>(46)</sup>

Contohnya:-

اَكْسِيد حَمْدٌ (*aksid hamd.*)

الْاسْتَاتِيْكَةُ الْهَوَيْيَةُ (*al-astātīkā al-hawāyyat*).

Di samping cara-cara dan contoh di atas juga, kita dapati banyak perkataan-perkataan yang dipinjam dengan tidak hanya terhad mengikut cara di atas bahkan dipinjam dengan berbagai cara dan dalam berbagai bentuk. Kadang-kadang mudah kita mengenalinya dengan hanya merujuk kepada kamus-kamus, terutama kamus yang meletak tanda-tanda atau alamat yang tertentu bagi perkataan pinjaman ini seperti *Mu‘jam al-Wasit* - *Mujmal al-Lughat* dan lain-lain lagi.

#### **4-2: SYARAT-SYARAT PEMINJAMAN**

---

Dalam menentukan syarat-syarat kepada peminjaman ini ada beberapa pandangan atau pendapat di kalangan beberapa peringkat ulama dan ahli linguistik bahasa Arab.

Mereka ini boleh dibahagikan kepada golongan ulama dan ahli-ahli linguistik silam dan golongan ulama dan ahli linguistik moden.

Mengikut pendapat kebanyakan ulama dan ahli linguistik Arab silam, syarat-syarat kepada peminjaman ini bergantung kepada sejauh mana penggunaan perkataan-perkataan pinjaman tersebut di kalangan para penuturnya. Dengan maksud, apabila orang-orang Arab menggunakan perkataan-perkataan asing ke dalam bahasa mereka, maka dengan sendirinya perkataan-perkataan tersebut dinamakan perkataan pinjaman, tidak kira sama ada perkataan-perkataan tersebut dari segi bunyi dan bentuknya seja jar atau tidak dengan bahasa Arab.

Begitu juga tidak kira sama ada cara berlaku peminjaman pada sesuatu perkataan itu seja jar dengan wazan sarfi bahasa Arab atau tidak.

Setengah daripada kalangan mereka pula berpendapat, bahawa syarat-syarat peminjaman itu pada asasnya hendaklah mengikut wazan sarfi bahasa Arab atau dengan

diubah sehingga menjadi sejajar dengannya.

Adapun ulama dan ahli-ahli linguistik moden, mereka telah meletakkan syarat-syarat yang khusus kepada peminjaman ini. Syarat-syarat yang mereka letak ini pula agak berbeza kalau dibandingkan dengan apa yang telah diletak di zaman silam.

Perbezaan pendapat di kalangan mereka membawa kepada perbezaan dalam menentukan syarat-syarat peminjaman dan pembahagian jenis-jenis perkataan di dalam bahasa Arab dari segi peminjaman .

Untuk menjelaskan perkara di atas, dibahagikan keterangan-keterangan kepada beberapa pecahan seperti berikut:-

**4-2-1: SYARAT-SYARAT PEMINJAMAN DI KALANGAN PARA ULAMA DAN AHLI-AHLI LINGUISTIK SILAM.**

Dalam meletakkan syarat-syarat kepada peminjaman ini para ulama dan ahli-ahli linguistik silam terbahagi kepada dua golongan:

**4-2-1-1: Golongan yang tidak meletakkan syarat-syarat yang tertentu kepada peminjaman.**

Golongan ini berpendapat, syarat-syarat peminjaman

ini bergantung kepada sejauh mana penggunaan perkataan pinjaman tersebut di kalangan para pengguna dan penuturnya.

Jika perkataan-perkataan tersebut telah dipinjam dan diguna dengan cara berleluasa serta telah menjadi lumrah di kalangan mereka maka perkataan-perkataan tersebut dikira atau boleh dinamakan perkataan pinjaman.

Mereka tidak membezakan sama ada perkataan-perkataan tersebut boleh dihubungkaitkan atau tidak dengan mana-mana perkataan Arab atau dikiaskan dengan mana-mana wazan ḥarfī bahasa Arab.

Di antara mereka yang mendokong pendapat ini ialah Syihābuddīn Aḥmad al-Khafājiy. Di dalam bukunya Syifa' al-Ghalīl, beliau berkata "Ketahuilah bahawa peminjaman itu ialah pemindahan perkataan asing ke dalam bahasa Arab".<sup>(47)</sup>

Dari kata-katanya itu kita dapat memahami bahawa peminjaman itu semata-mata memindahkan perkataan-perkataan asing ke dalam bahasa Arab. Beliau nampaknya tidak mensyaratkan apa-apa syarat padanya.

Pendangan seperti ini juga kita dapat fahami daripada kata-kata Sibawaih di dalam bukunya al-Kitāb,

yang bermaksud "Ini bab pada menyatakan apa yang dipinjam daripada perkataan-perkataan asing. Ketahuilah bahawa peminjaman itu ialah apa yang mereka ubahkan huruf-huruf yang terdapat pada perkataan-perkataan asing yang semata-mata bukan huruf Arab. Kadang-kadang perkataan-perkataan tersebut boleh dihubungkaitkan dengan perkataan Arab dan kadang-kadang tidak." (48)

Daripada kata-kata Sibawaih ini, kita dapat memahami bahawa sesuatu perkataan asing yang dipinjam boleh dinamakan kata pinjaman dengan tidak disyaratkan sama ada ianya boleh dikiaskan dengan wazan ḥarfi bahasa Arab atau tidak, bahkan ianya terhenti di atas penggunaan perkataan-perkataan tersebut di kalangan para penutur.

Pendapat ini didukung oleh kebanyakan ulama dan ahli-ahli linguistik bahasa Arab silam.

#### 4-2-1-2: Golongan yang telah meletakkan syarat-syarat yang tertentu kepada peminjaman.

Di antara ulama dan ahli-ahli linguistik silam yang mendukung pendapat ini ialah al-Jauhariy dan al-Khafājiy.

Syarat utama yang telah diletakkan oleh mereka ialah, hendaklah perkataan-perkataan yang telah dipinjam itu tunduk kepada wazan ḥarfi bahasa Arab atau ianya

mesti mengikut kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan bahasa Arab.

Pada mereka, jika sesuatu perkataan pinjaman itu tidak dapat dikiaskan dengan mana-mana wazan ḥarfī bahasa Arab atau tidak mengikut kaedah-kaedah bahasa Arab, maka perkataan tersebut tidak boleh dinamakan perkataan pinjaman.

Perkara ini kita dapat fahami daripada kata-kata al-Jauhariy di dalam bukunya al-Sīḥāḥ: "Sesungguhnya peminjaman itu ialah perkataan-perkataan asing yang telah dituturkan oleh orang-orang Arab dan perkataan-perkataan tersebut telah tunduk dan mengikut kaedah dan gaya bahasa Arab." (49)

Inilah setengah daripada pendapat dan pandangan para ulama dan ahli-ahli linguistik silam mengenai syarat-syarat peminjaman ini.

Perbezaan pendapat di kalangan mereka mengenai syarat-syarat peminjaman membawa kepada perbezaan dalam mengklasifikasikan jenis-jenis perkataan yang terdapat di dalam bahasa Arab.

Ianya adalah seperti berikut:-

- a) Di sisi Sibawaih dan para penyokongnya, mereka telah mengklasifikasikan perkataan-perkataan yang digunakan

oleh orang-orang Arab itu kepada dua jenis sahaja.

Iaitu:

- i) Perkataan-perkataan Arab yang asal.

Contohnya ialah:-

الرَّجُل (al-rajul)

الْجَمَل (al-jamal)

الْقَسْرَب (al-qasr)

- ii) Perkataan-perkataan pinjaman yang dipinjam daripada

berbagai bahasa.

Contohnya ialah:-

الْيَسَعُ (al-yasau)

الْجَوْق (al-jauq)

الْجُرْبُز (al-jurbuz)

b) Di sisi al-Jauhariy dan para penyokongnya pula, mereka mengklasifikasikan perkataan-perkataan Arab itu kepada tiga jenis. Iaitu:-

- i) Perkataan-perkataan Arab yang asal. Iaitu perkataan-perkataan yang digunakan oleh mereka dan diambil daripada bahasa mereka sendiri.

- ii) Perkataan-perkataan pinjaman yang digunakan oleh orang-orang Arab yang diubah dari bentuk asalnya dan dihubungkaitkan atau sejajar dengan bentuk dan uslub

bahasa Arab atau boleh dikiaskan dengan wazan ḥarfi bahasa Arab.

iii) Perkataan-perkataan pinjaman yang digunakan oleh orang-orang Arab, tetapi ianya tidak diubah dari bentuk asalnya dan tidak boleh dikiaskan dengan mana-mana wazan ḥarfi bahasa Arab.<sup>(50)</sup>

Dari sini kita dapat memahami bahawa mengikut pendapat golongan ini, perkataan pinjaman itu terbahagi kepada dua jenis.


Ini berlainan pula dengan pendapat Abū Ḥayyān, beliau berpendapat, perkataan pinjaman itu terbahagi kepada tiga jenis.<sup>(51)</sup>

Ianya seperti berikut:-

i) Perkataan-perkataan pinjaman yang telah diubah dan disesuaikan serta dihubungkaitkan dengan wazan ḥarfi bahasa Arab dan juga telah mengikut uslubnya.

Kedudukan perkataan-perkataan pinjaman seumpama ini adalah sama dengan apa yang berlaku ke atas perkataan-perkataan Arab yang asal.

Contohnya ialah:-

Perkataan pinjaman  (bahraj) dikiaskan dengan perkataan Arab  (sahlab).<sup>(52)</sup>

|                    |  |
|--------------------|--|
| Perkataan pinjaman | <b>دِينَارٌ</b> ( <i>dīnār</i> ) dikiaskan dengan perkataan Arab <b>دِينَامِسٌ</b> ( <i>dīmās</i> ). <sup>(53)</sup>       |
| Perkataan pinjaman | <b>شُبَارِقٌ</b> ( <i>syubāriq</i> ) dikiaskan dengan perkataan Arab <b>عُذَافِرٌ</b> ( <i>‘udhāfir</i> ). <sup>(54)</sup> |

ii) Perkataan-perkataan pinjaman yang telah diubah daripada bentuk asalnya, tetapi tidak boleh dihubungkaitkan dengan perkataan Arab dan juga tidak boleh dikiaskan dengan mana-mana wazan ḥarfi bahasa Arab.

Contohnya ialah:-

Perkataan pinjaman **أَجْرٌ** (*ājurr*), bentuknya di dalam bahasa asalnya ialah **أَجْرُرٌ** (*ājūr*), dan tidak ada wazan ḥarfi di dalam bahasa Arab yang berbentuk seumpamanya untuk dikiaskan dengannya. <sup>(55)</sup>

Perkataan **سِفْسِيرٌ** (*sifṣīr*) bentuknya di dalam bahasa asalnya ialah **سِمْسَارٌ** (*simsār*), dan juga tidak ada wazan ḥarfi di dalam bahasa Arab yang berbentuk seumpamanya untuk dikiaskan dengannya. <sup>(56)</sup>

iii) Perkataan-perkataan pinjaman yang tidak diubah dari bentuk asalnya.

Tanya pula terbahagi kepada dua jenis. <sup>(57)</sup> iaitu:-

a) Sebahagian daripadanya tidak dihubungkaitkan dengan mana-mana bentuk perkataan Arab, bahkan digunakan dalam

bentuk seperti di dalam bahasa asalnya.

Pada pandangan Abū Ḥayyān, perkataan-perkataan seperti ini tidak boleh dihitung sebagai sebahagian daripada perkataan-perkataan Arab. Bahkan ianya dikira sebagai perkataan asing

Contohnya:-

Perkataan خراسان (Khurāsān). (58)

b) Sebahagian daripadanya pula dihubungkaitkan dengan perkataan-perkataan Arab dan ianya boleh dihitung sebagai sebahagian daripada perkataan Arab.

Contohnya:-

Perkataan خرم (khurrām), ianya dikiaskan dengan perkataan Arab سلام (sullām).

Perkataan كركم (kurkum), ianya dikiaskan dengan perkataan Arab قمقطم (qumqum). (59)

**-2-2: SYARAT-SYARAT PEMINJAMAN DI KALANGAN PARA ULAMA  
AN AHLI-AHLI LINGUISTIK MODEN.**

Sebelum menjelaskan syarat-syarat peminjaman yang telah diletakkan oleh mereka ini, adalah perlu dijelaskan terlebih dahulu mengenai pandangan mereka sama ada boleh digunakan perkataan-perkataan pinjaman itu atau tidak, kerana terdapat pendapat yang berbeza di antara mereka mengenai perkara ini.

Keterangannya adalah seperti berikut:-

**4-2-2-1: Golongan yang berpendapat, bahasa Arab tidak memerlukan kepada peminjaman.**

Golongan pertama ialah golongan mereka yang berpendapat bahawa bahasa Arab merupakan satu bahasa yang tidak lagi memerlukan kepada peminjaman.

Mereka berhujah dengan beberapa fakta:-

(i) Perkataan-perkataan yang telah sedia ada di dalam bahasa Arab adalah lebih indah dan lebih baik kalau dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain.

(ii) Kita tidak perlu kepada peminjaman kerana kita boleh menggunakan bahasa Arab dengan cara seluas-luasnya.

Katakanlah jika untuk memberi makna kepada perkataan-perkataan asing yang mustahak digunakan di dalam bahasa

Arab di waktu tidak ada di dalam bahasa Arab perkataan-perkataan yang sama erti denganya. Maka pada ketika itu kita boleh menggunakan cara lain daripada peminjaman yang mana cara tersebut memang telah sedia ada di dalam bahasa Arab seperti cara *Isytiqāq*, *Naḥt*, *Ibdāl*, terjemahan dan sebagainya.

Cara-cara tersebut sudah mencukupi atau memadai untuk memenuhi keperluan dan kehendak semasa.<sup>(60)</sup>

Dengan cara *Isytiqāq* misalnya, kita boleh menggunakan perkataan سَيَّارَةً (*sayyārat*) bukannya menggunakan perkataan pinjaman أُتُومُوبِيلٌ (*ūtūmūbil*).

Dengan cara terjemahan, kita boleh menggunakan perkataan الصُّورَ الْمُتَحَرِّكَةٌ (*al-suwar al-mutaharrikat*) sebagai terjemahan bagi perkataan pinjaman السِّينَامَاتُوْغْرَافِيَّةُ (*al-sīnamā tūghrāf*).<sup>(61)</sup>

Di antara mereka yang mendukung pendapat ini ialah al-Syaikh Ahmad al-Iṣkandariy. Beliau pernah berkata: "Kita hendaklah mengakui bahawa kita telah salah di waktu mana kita menggunakan perkataan-perkataan asing ketika tidak ada perkataan-perkataan seerti denganya di dalam bahasa kita. Sepatutnya kita berkewajipan mengkaji sedaya upaya bagi mencari sesuatu perkataan di dalam bahasa kita untuk mengganti tempatnya."<sup>(62)</sup>

Al-Ustaz Muṣṭafa Sādiq al-Rāfi'iyy telah mengkritik

ara sasterawan Arab pengikut aliran sasterawan moden, kerana mereka terlampau banyak memasukkan atau menggunakan perkataan-perkataan pinjaman ke dalam penulisan mereka. Perbuatan seumpama ini amatlah tidak sesuai pada pandanganya, bahkan tidak harus dilakukan oleh mereka.

Beliau berpendapat mereka sepatutnya mempelajari dan mengkaji ilmu sastera Arab secara mendalam dan mengikuti cara-cara ahli sastera zaman silam yang tidak banyak menggunakan perkataan-perkataan pinjaman. Sebab itu kita dapati sedikit sekali perkataan pinjaman di zaman silam. Ini adalah lebih baik daripada cara menggunakan perkataan-perkataan asing secara berleluasa yang tidak begitu sesuai dalam penulisan sastera .

Beliau juga berpendapat bahasa itu adalah merupakan sesuatu yang diwarisi. Ianya hak milik khusus kepada sesuatu bangsa di sepanjang zaman. Oleh itu kita berkewajipan menjaganya sebagaimana kita warisi dan kita tidak berhak menambah sesuatu padanya dari diri kita sendiri. (63)

Al-Ustaz **Izzuddín al-Tanúkhīy** berpendapat cara-cara seperti *Isytiqāq*, *Naḥt*, *Ibdāl* dan lain-lain cara yang telah sedia ada di dalam bahasa Arab, adalah sudah memadai atau telah cukup untuk menampung keperluan semasa atau bagi menambahkan mufradāt di dalam bahasa Arab.

Beliau berkata "Sebagai contoh dengan cara *al-Ibdāl* kita boleh menggantikan perkataan **كسارة الجوز** (*kasārat al-jūz*) yang bererti pecahan buah pala dengan perkataan **مرضحة** (*mirdakhat*). Manakala untuk perkataan **كسارة اللوز** (*kasārat al-lauz*) yang bererti kepingan buah badam kita boleh menggantikannya dengan perkataan **مرضحة** (*mirdahat*)".

Beliau juga berpendapat. Para ulama dan ahli-ahli linguistik silam mengetahui bagaimana cara menggunakan bahasa mereka.

Sebagai contoh mereka menggunakan perkataan **الغُبْن** (*al-ghubn*) yang bermakna penipuan. Perkataan ini digunakan untuk makna khusus bagi penipuan dalam jual beli pakaian. Sebaliknya mereka menggunakan perkataan

**الخَبْن** (*al-khabn*) yang mempunyai makna yang sama tetapi untuk penipuan jual beli barang lain. Ini bererti pada asalnya kedua-dua perkataan tersebut menunjukkan makna yang sama tetapi berbeza dari sudut penggunaannya.<sup>(54)</sup>

Beliau menambah lagi, orang-orang Arab di zaman silam telah menjadi lumrah di kalangan mereka menggunakan terjemahan, terutamanya di zaman pemerintahan kerajaan **Abbāsiah**. Oleh itu tidak ada sebab mengapa kita harus menggunakan peminjaman.<sup>(55)</sup>

Golongan ini juga berpendapat peminjaman akan membawa kepada kesulitan untuk menentukan kefasihan bahasa Arab, lebih dari itu ianya akan menghilangkan kefasihan bahasa Arab itu sendiri.<sup>(66)</sup>

Dr. ՚Abd al-Karīm Khalīfah berpendapat peminjaman akan menimbulkan berbagai bentuk perkataan bahasa Arab khususnya di rantau negara-negara Arab dan ia akan membawa kepada kerumitan kepada para pengkaji bahasa yang tinggal di sesebuah negara Arab untuk memahami apa yang terdapat di negara Arab yang lain.<sup>(67)</sup>

Sebagai contoh pertubuhan UNESCO telah memilih sebuah buku dalam ilmu al-Riyādiyyāt (*Matematik*) moden sebagai buku teks di negara-negara Arab. Buku tersebut telah diterjemahkan daripada bahasa asing kepada lima bentuk bahasa Arab iaitu bahasa Arab Mesir, Iraq, Kuwait, Syria dan Jordan.

Pada tiap-tiap bahasa tersebut terdapat lambang-lambang atau tanda-tanda tertentu dan istilah-istilah yang berbeza. Kadang-kadang satu perkara diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dengan istilah-istilah yang berbeza.

Contohnya:-

|   |                           |
|---|---------------------------|
| Perkataan pinjaman  | الكمبيوتر (al-kambiutər), |
| diterjemahkan ke dalam bahasa Arab Mesir dengan perkataan |                           |
| الحاسيب الآلي (al-hāsib al-āliyy)                         | sedangkan di dalam bahasa |

Arab lain diterjemahkan dengan perkataan الرَّاتَابَةُ (al-ratābat), dan terjemahan terkini pula ialah الْحَاسُوبُ (al-hāsūb). Sebaliknya pula ada setengah negara Arab menggunakannya dengan cara mengekalkan sebutan asal tanpa apa-apa perubahan padanya.<sup>(68)</sup>

Oleh sebab itu mereka berpendapat, sudah tentu tidak mungkin untuk menyelaraskan penggunaan perkataan-perkataan tersebut di kalangan para pengguna dan para penuturnya. Dengan ini mereka mengatakan kita tidak harus melakukan peminjaman.

Sebenarnya golongan ini begitu prihatin terhadap bahasa mereka demi untuk menjaga dan mempertahankan keaslian dan kefasihan bahasa Arab. Atau paling tidaknya mereka bimbang jika dibiarkan peminjaman ini berlaku dengan tidak dikawal, nanti pada suatu masa akan timbul masalah sehingga tidak lagi dapat dibezakan yang manakah bahasa Arab yang asal dan yang manakah pula bahasa pinjaman yang mendatang yang selalu ditukar ganti.

4-2-2-2: Golongan yang berpendapat harus melakukan peminjaman dan tidak perlu diletakkan apa-apa syarat padanya.

Golongan kedua ialah golongan para ulama dan ahli linguistik moden yang berpendapat, kita harus melakukan

peminjaman walau dalam keadaan mana sekali pun, ianya boleh digunakan dengan seluas-luasnya dan ianya juga tidak perlu dihubungkaitkan dengan mana-mana perkataan Arab bahkan lebih dari itu kita tidak perlu meletakkan apa-apa syarat padanya.<sup>(69)</sup>

Dalam pada itu mereka berpendapat, kita tidak ada halangan untuk menggunakan cara Isytiqāq. Naht dan seumpamanya untuk menjelaskan sesuatu makna di dalam bahasa Arab. Tetapi adalah tidak bijak jikalau kita hanya menggunakan cara-cara di atas sahaja sedangkan telah ada di kalangan orang-orang terdahulu yang telah melakukan peminjaman atau jika didapati sesuatu perkataan pinjaman itu lebih mudah dari segi sebutan dan cara penggunaannya maka ketika itu menggunakan perkataan pinjaman adalah lebih baik, lebih-lebih lagi sekiranya perkataan pinjaman tersebut ada hubungan dengan istilah ilmu-ilmu yang tertentu, seperti ilmu kimia, geografi, ilmu perubatan dan sebagainya. Maka pada ketika itu menggunakan perkataan pinjaman adalah satu perkara yang mustahak.<sup>(70)</sup>

Di antara dorongan yang menyebabkan mereka berpendapat demikian ialah semangat kebangsaan yang tebal. Mereka ingin menonjolkan keistimewaan bahasa Arab yang mereka agung-agungkan. Setengah daripada mereka suka bermegah-megah dengan ketamadunan yang mereka capai

dan ada di antara mereka melepaskan diri mereka daripada dituduh mundur dan sebagainya. <sup>(71)</sup>

Selain daripada berpendapat tidak perlu diletakkan apa-apa syarat kepada peminjaman mereka berpendapat kita boleh melakukan Isytiqāq daripada perkataan-perkataan pinjaman sebagaimana kita melakukannya pada perkataan-perkataan Arab.

Sebagai contoh :-

Perkataan pinjaman درهم (dirham) dipecahkan menjadi مدرهم (mudarham).

Perkataan pinjaman دينار (dīnār) dipecahkan menjadi مدينير (mudnīr).

Pada pandangan mereka juga, tidak ada bezanya kita menggunakan perkataan pinjaman الظيلفون (al-tīlīfūn) dengan perkataan Arab الهايف (al-hātif), kerana pada hakikatnya kedua-duanya menunjukkan erti yang sama. <sup>(72)</sup>

Di antara pendukung pendapat ini ialah Ya'qūb Sarūf. Ketika ditanya kepadanya, "Mengapa orang-orang Arab lebih suka menggunakan perkataan pinjaman مكروسكوب (makruskūb) sedangkan di dalam bahasa Arab telah ada perkataan gantinya iaitu مجهور (mujhīr) ?" Beliau menjawab: "Kita menggunakan perkataan tersebut kerana kita mengikut jejak langkah mereka yang terdahulu.

Sepertimana ahli-ahli falak menggunakan perkataan pinjaman الْأَسْتَرْلَاب (al-astarlāb) dan ahli falsafah Arab pula menggunakan perkataan pinjaman إِسَاغُوْجِي (īsāghūjī) bahkan banyak sekali mereka telah meminjam perkataan asing, sedangkan pada keseluruhannya mereka berkemampuan menterjemahkan perkataan-perkataan tersebut ke dalam bahasa Arab, atau pun mereka boleh menggunakan cara lain seperti *Isytiqāq*, *Naht* dan sebagainya .

Apa yang dilakukan oleh para ulama dan ahli-ahli linguistik di zaman silam dengan cara peminjaman ini adalah untuk menyenangkan pemindahan berbagai jenis ilmu ke dalam bahasa Arab".<sup>(73)</sup>

Inilah di antara beberapa hujah bagi mereka yang berpendapat peminjaman adalah merupakan sesuatu yang harus dilakukan di dalam bahasa Arab.

4-2-2-3: Golongan yang berpendirian sederhana  
-----  
dan syarat-syarat yang diletak oleh mereka.

Golongan ketiga ialah golongan yang terdiri daripada ulama dan ahli-ahli linguistik moden yang berpendirian secara sederhana.

Mereka tidak fanatik seperti golongan yang pertama yang menyekat terus berlakunya peminjaman dan tidak pula terlampau bersifat terbuka sehingga tidak meletakkan

sebarang syarat kepada peminjaman sebagaimana yang dipegangi oleh golongan kedua.

Di antara mereka yang berpandangan seperti ini ialah al-Syaikh Muḥammad al-Khadriy, al-Syaikh Abd al-Qādir al-Maghribiy, Ṭaha Ḥusain, Ahmad Amin, Mari Ziyādah, Muḥammad Zaki Basya, Ibrāhīm al-Yāzijiy . Muṣṭafa al-Khailāniy dan lain-lain lagi.<sup>(74)</sup>

Mereka berpendapat untuk melabelkan sesuatu perkataan baru kepada sesuatu perkara yang baru di dalam bahasa Arab, hendaklah digunakan apa saja cara yang telah sedia ada di dalam bahasa Arab. Tetapi jika sekiranya tidak ada cara lain yang dapat memenuhi dan menepati perkara tersebut kecuali dengan melakukan peminjaman, maka pada ketika itu hendaklah kita melakukannya dengan cara dan syarat-syarat yang tertentu. Pada umumnya penggunaan perkataan-perkataan pinjaman tersebut hendaklah diamati supaya ianya tidak akan menjadi punca timbulnya sesuatu masalah atau rosaknya bahasa Arab.<sup>(75)</sup>

Para ulama dan ahli-ahli linguistik di zaman silam yang telah pun memiliki kemahiran dan kefasihan bahasa Arab yang tinggi sebagaimana jelas terdapat pada pertuturan dan penulisan mereka, mereka tetap melakukan peminjaman. Dalam pada itu mereka mempunyai cara dalam melakukannya. Perkataan-perkataan yang dipinjam itu diubah sehingga menjadi sejajar dengan perkataan-

perkataan Arab sekurang-kurangnya mempunyai persamaan dari segi bentuk atau bunyi dengan perkataan-perkataan Arab. Mereka melakukan apa saja yang sesuai ke atas perkataan-perkataan pinjaman tersebut supaya tidak janggal ketika menggunanya. Kepakaran mereka amat jelas sehingga setengah perkataan yang dipinjam itu tidak lagi dapat dikenali kecuali dengan melakukan kajian ke atasnya.

Contohnya, perkataan-perkataan :-

الترفة (al-tur<sup>ف</sup>at)

البستان (al-bustān)

البرج (al-burj)

القنبلة (al-qumbulat)

Perkataan-perkataan diatas tidak diketahui ianya perkataan pinjaman kecuali setelah dilakukan kajian ke atasnya dan di dapati perkataan:-

الترفة (al-tur<sup>ف</sup>at) dipinjam daripada bahasa

al-Arāmiat,

البستان (al-bustān) dipinjam daripada bahasa

Farsi.

البرج (al-burj) dipinjam daripada bahasa

Yunani.

القنبلة (al-qumbulat) dipinjam daripada

bahasa Turki. (76)

Daripada ketiga-tiga pendapat atau pandangan di atas dapat dibuat beberapa kesimpulan antaranya:-

i) Pendapat pertama. Oleh kerana terlampau cintanya mereka terhadap bahasa mereka sendiri, mereka telah mengambil jalan mudah. Mereka seolah-olahnya telah menyekat atau memagari bahasa mereka dari dicerobohi oleh bahasa-bahasa lain. Sedangkan bahasa Arab itu sendiri dari masa ke semasa tidak sunyi dari berlakunya peminjaman.

Adalah tidak menjadi perkara yang aib atau cacat jika sesuatu bahasa itu meminjam perkataan daripada bahasa lain, bahkan peminjaman itu telah menjadi suatu perkara yang lumrah, khususnya apabila sesebuah negara itu telah berjiran dengan negara yang lebih bertamadun daripadanya.

Kita boleh mengatakan bahawa sesuatu bahasa itu walau setinggi mana keadaannya sekali pun ianya tidak mampu untuk menta<sup>c</sup>bir atau memberi makna kepada semua perkara tanpa melakukan peminjaman bahkan tidak ada suatu bahasa pun yang boleh mendakwa ianya bersih daipada peminjaman.

ii) Pendapat kedua pula terlampau mudah menerima perkataan asing sehingga mereka mendakwa tidak perlu diletakkan apa-apa syarat padanya, lebih dari itu mereka

mengira semua perkataan-perkataan yang telah dipinjam dengan sendirinya dikategorikan sebagai bahasa Arab.

Jika demikian keadaannya, nanti akan jadi tidak ada lagi perkataan-perkataan asing yang tidak boleh menjadi perkataan Arab dan apakah akan berlaku kepada bahasa Arab jika semua perkataan asing boleh disusun menjadi ayat sebagai bahasa Arab. Ini sudah tentu tidak mungkin.

Pada hakikatnya pendapat seperti ini tidak diterima pada masa kini dan mungkin ianya tidak ditimbulkan lagi. (77)

(iii) Manakala pendapat ketiga tidak berpandangan sempit atau fanatik sehingga tidak memberi ruang langsung kepada perkataan-perkataan asing masuk ke dalam bahasa Arab dan tidak pula terlampau longgar atau terbuka sehingga berlakunya peminjaman dengan sebebas-bebasnya sampai tidak perlu meletakkan apa-apa syarat padanya.

Pendapat inilah yang boleh dikatakan telah diterima pakai oleh kebanyakan para ulama dan ahli-ahli linguistik Arab.

Umpamanya kalau kita berkomunikasi dengan orang-orang Arab Badwi dan menyebut kepada mereka perkataan-perkataan seperti الْمِدْيَاع (*al-midhyā*) atau الْهَاتِيف (*al-hātif*) atau السَّيَّارَة (*al-sayyārat*), walaupun mereka

belum mengetahui mengenai alat-alat moden yang dimaksudkan dengan perkataan-perkataan tersebut, kita dapati mereka mampu memahami maksudnya dengan cara merujuk kepada kata dasar bagi tiap-tiap perkataan tersebut. Kata dasar bagi tiap-tiap perkataan itu ialah:-

جَاعَ (dhā'ā) bagi perkataan الْمِدْيَاعُ (al-midhyā')

هَتَّافَ (hatafa) bagi perkataan الْهَاتِيفُ (al-hātif)

سَارَ (sāra) bagi perkataan السَّيَّارَةُ (al-sayyārat).

Apabila mereka memerhatikan perkataan-perkataan yang digunakan kesemuanya adalah memberi erti alat atau apa yang dinamakan di dalam bahasa Arab إِسْمُ الْأَلَّاتِ (isim al-ālat).

Keadaan ini sudah tentu berbeza kalau kita menuturkan kepada mereka perkataan-perkataan pinjaman kepada alat-alat tersebut, iaitu الرَّادِيُّو (al-rādiyū), التِّلِيفُونُونَ (al-tilifūn) dan الْعُتُمُوبِيلُ (al-ūtūmūbil). Mereka mungkin tidak memahaminya pada peringkat permulaan walaupun ianya memberi maksud yang sama dengan perkataan-perkataan di atas. (78)

Oleh sebab itu para ulama dan ahli-ahli linguistik moden yang mendukung pendapat ini telah pun meletakkan syarat-syarat yang tertentu kepada perkataan-perkataan pinjaman ini.

Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:-

- i) Setiap perkataan pinjaman itu apabila ditutur atau digunakan di dalam bahsa Arab, ianya hendaklah didasarkan kepada huruf-huruf Arab. Ini bertujuan untuk memudahkan penyebutan, juga supaya ianya tidak dirasai janggal dan aneh di dalam penggunaanya nanti.

Oleh itu jika huruf-huruf asal pada sesuatu perkataan pinjaman itu tidak sesuai dengan huruf-huruf Arab sama ada dari segi bunyi atau tekanan suaranya, pada biasanya ia ditukarkan kepada huruf-huruf Arab

Caranya ialah dengan mengubahkan perkataan pinjaman tersebut sehingga bersesuaian dengan mana-mana huruf Arab atau wazan ḥarfi bahasa Arab atau dengan mengkiaskan dengan mana-mana perkataan Arab.<sup>(79)</sup>

Jika sesuatu perkataan pinjaman itu tidak dapat disesuaikan dengan wazan ḥarfi dan juga tidak boleh dikiaskan dengan mana-mana perkataan Arab, ia perlu diubah walau sedikit sekalipun pada bunyi atau barisnya atau seumpamanya.

Dengan perubahan yang sedikit itu sudah cukup sebagai syarat untuk menamakan perkataan tersebut sebagai perkataan pinjaman.

Sebagai contoh :-

Perkataan بُوتاسيُوم (*būtāsiūm*) diubah padanya bunyi

asal suara (p) yang terletak pada awal perkataan kepada bunyi suara (b) untuk disesuaikan dengan bunyi di dalam bahasa Arab.<sup>(80)</sup>

Oleh kerana itu, pada pandangan setengah ahli linguistik moden jika perkataan asing yang masuk ke dalam bahasa Arab dan ianya tidak diubah walaupun sedikit, maka ia tidak boleh dinamakan kata pinjaman sebaliknya ia dinamakan dakhīl. Dakhīl bagi mereka ialah "*Perkataan-perkataan pinjaman yang masuk ke dalam bahasa Arab dengan tidak diubah bentuk asalnya.*"<sup>(81)</sup>

2) Hendaklah menggunakan perkataan-perkataan pinjaman itu pada masa yang perlu sahaja. Ini pun dilakukan sesudah berusaha mencari perkataan Arab dengan berbagai cara yang telah sedia ada di dalam bahasa Arab.<sup>(82)</sup>

Kita dapati orang-orang Arab di zaman silam tidak melakukan peminjaman dan tidak menggunakanya kecuali dalam keadaan terpaksa. Ini dapat dilihat daripada sedikit sahaja perkataan pinjaman terdapat di kalangan mereka jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain .

Kita dapati, mereka juga lebih mengutamakan perkataan Arab yang kelasik daripada perkataan pinjaman, kecuali jika perkataan pinjaman yang hendak digunakan itu lebih terkenal atau lebih mudah penggunaanya daripada bahasa Arab.<sup>(83)</sup>

(3) Mereka yang melibatkan diri dengan peminjaman hendaklah terdiri dari kalangan orang yang berkeahlian dan berkelayakan, khususnya dengan bahasa mereka sendiri.

Kita dapati, peminjaman di zaman silam tidak dilakukan kecuali oleh mereka yang mempunyai keahlian dalam bahasa Arab.<sup>(84)</sup>

(4) Cara penterjemahan hendaklah diutamakan daripada peminjaman kerana sepatutnya peminjaman tidak dilakukan kecuali di waktu yang perlu sahaja.<sup>(85)</sup>

Sebagai contoh hendaklah digunakan perkataan الْمِحْجَر (*al-mijhar*) sebagai terjemahan kepada perkataan pinjaman المِكْرُوشُكُوب (*al-mikrūskūb*).

(5) Istilah-istilah yang dipinjam, hendaklah dihubungkaitkan dengan bahasa Arab, tunduk kepada kaedah-kaedahnya dan boleh ditambah dengan huruf-huruf imbuhan seperti جـ dan sebagainya.<sup>(86)</sup>

(6) Jika diketahui perkataan yang dipinjam itu asalnya perkataan Arab yang telah dipinjam oleh bahasa lain, ia hendaklah diubah balik dari segi bentuk dan juga penggunaannya sebagaimana perkataan Arab yang asal.<sup>(87)</sup>

(7) Apabila telah terdapat di dalam bahasa Arab perkataan-perkataan yang boleh menggantikan perkataan-perkataan pinjaman maka hendaklah berhenti daripada menggunakan perkataan pinjaman tersebut.

Ini bertujuan untuk menyuburkan bahasa Arab yang fasih dan di waktu yang sama dapat membendung daripada berlakunya peminjaman secara berleluasa.<sup>(88)</sup>

(8) Sekiranya istilah yang setanding dapat dihasilkan dengan cara *Isytiqāq* atau *Naḥt*, maka tidak perlu lagi kita menggunakan perkataan-perkataan pinjaman. Kerana, cara *Isytiqāq* dan *Naḥt* lebih utama digunakan daripada cara peminjaman.

Sebagai contohnya didapati banyak perkataan-perkataan berbentuk مُرَكَّبٌ مَّزْجِيٌّ (*murakkab mazjī*) bila diterjemahkan, ianya lebih susah untuk difahami serta tidak direstui atau tidak dipersetujui penggunaanya oleh masyarakat umum. Ini berbeza dengan menggunakan cara *Naḥt*, secara umumnya ianya lebih mudah dilakukan serta senang difahami. *Naḥt* juga boleh membantu bagi mengurangkan penggunaan pinjaman.<sup>(89)</sup>

Inilah di antara syarat-syarat yang telah diletakkan oleh para ulama dan ahli linguistik moden.

Ianya boleh dijadikan sebagai panduan kepada para pengkaji bahasa Arab.

Selain daripada syarat-syarat di atas ada beberapa perkara yang perlu diambil kira dan diberi perhatian semasa melakukan peminjaman. Perkara ini telah ditetapkan oleh pihak Dewan Bahasa Arab, Mesir semasa mereka mengadakan satu seminar.<sup>(90)</sup>

Di antara ketetapan itu ialah:-

- i) Hendaklah diutamakan perkataan-perkataan Arab yang mutawatir atau lumrah diketahui umum daripada perkataan-perkataan pinjaman.
- ii) Hendaklah diutamakan perkataan-perkataan yang jelas terang ertinya daripada perkataan yang kabur ertinya.
- iii) Hendaklah diutamakan penggunaan perkataan-perkataan pinjaman yang boleh dilakukan Isytiqāq padanya daripada perkataan-perkataan yang tidak boleh dilakukan Isytiqāq padanya.
- iv) Hendaklah diutamakan perkataan-perkataan mufrad kerana ianya mudah menerima Isytiqāq, Idāfat, Tathniat dan sebagainya.
- v) Hendaklah dijelaskan sejelas-jelasnya cara yang mudah untuk ditutur perkataan-perkataan pinjaman yang

telah berlaku perbezaan cara menuturnya pada perkataan asal.

Ketetapan ini dibuat bertujuan untuk mengatasi beberapa kelemahan yang timbul semasa melakukan peminjaman. Terutamanya untuk memberi kemudahan semasa menghadapi limpahan perkataan-perkataan dan juga istilah-istilah asing yang masuk ke dalam bahasa Arab khususnya di zaman moden ini.

@@@@@@@

## NOTA KAKI.

- (1) Lihat al-Sayūṭiy. al-Muzhir, 1/268, al-Jawāliqiy.  
al-Mu‘arrab, h.6.
- (2) Ibid. al-Jawāliqiy, al-Mu‘arrab, h.8.
- (3) Al-Mu‘jam al-Wasīt, 1/87.
- (4) Al-Jawāliqiy, al-Mu‘arrab, h.143.
- (5) Al-Mu‘jam al-Wasīt, 1/87.
- (6) Ibid 1/86.
- (7) Lihat al-Sayūṭiy. al-Muzhir, 1/269, 270.
- (8) Ibid, 1/270, al-Jawāliqiy, al-Mu‘arrab, h.8.
- (9) Al-Sayūṭiy. al-Muzhir, 1/270.
- (10) Al-Jawāliqiy, al-Mu‘arrab, h.56.
- (11) Ibid h.56.
- (12) Lihat Imīl Bādī‘ Ya‘qūb, Dr., Awāmil al-Tatawwur al-Lughawiy, h.217.
- (13) Lihat ibid h.217.
- (14) Lihat al-Jawāliqiy, al-Mu‘arrab, h.7.
- (15) Lihat ibid, h.280.

- (16) Lihat ibid. h.280.
- (17) Lihat ibid, h.7.
- (18) Lihat ibid, h. 7.
- (19) Lihat ibid, h.96.
- (20) Lihat al-Khafājiy, Syifā<sup>o</sup> al-Ghalīl, h.206.  
al-Jawāliqiy, al-Mu‘arrab, h.56.
- (21) Lihat Imīl Bādi<sup>+</sup> Ya‘qūb, Dr.. Fiqh al-Lughat al-‘Arabiyyat Wa Khasā<sup>o</sup> isuha, h.217.
- (22) Lihat al-Jawāliqiy , al-Mu‘arrab, h.357.
- (23) Lihat al-Khafājiy, Syifā<sup>o</sup> al-Ghalīl, h.148.
- (24) Lihat al-Jawāliqiy, al-Mu‘arrab, h.69.
- (25) Lihat ibid, h.14 dan 74., al-Imām Syihābuddīn ‘Abū ‘Abdullah Yāqūt bin ‘Abdullah al-Hamawiyy al-Rūhiy al-Baghdādiy, Mu‘jam al-Buldān, Dār Sādir, Beirut, 1/456.
- (26) Lihat Ibn Duraid ,Abī Bakr Muḥammad bin al-Ḥasan al-Azdiy al-Baṣriy , Kitāb Jamharat al-Lughat, Dār Sādir, Beirut Lubnan. 1/155, dan 3/374,502.
- (27) Lihat Abū al-Fadl Jamāluddīn Muḥammad bin Mukarram Ibn Manzūr al-Afrīqiy al-Misriy , Lisān al-‘Arab, Dār Sādir, Beirut, Lubnan. 1968. 13/511.

- (28) Lihat al-Jawāliqiy, al-Mu‘arrab, h.199.
- (29) Lihat ‘Abd al-Šabūr Syāhīn, al-‘Arabiyyat Lughat  
al-‘Ulūm Wa al-Taqniyyat, h.312.
- (30) Lihat al-Sayūtiy. al-Muzhir, 1/273.
- (31) Lihat ibid, 1/274.
- (32) Lihat ibid, 1/274.
- (33) Lihat ibid, 1/274.
- (34) Lihat al-Jawāliqiy, al-Mu‘arrab, h.55.
- (35) Lihat ibid h.56.
- (36) Lihat ‘Abd al-Šabūr Syāhīn, Dr., al-‘Arabiyyat Lughat  
al-‘Ulūm Wa al-Taqniyyat, h.312.
- (37) Lihat ibid, h.312.
- (38) Lihat ibid ,h.314.
- (39) Lihat ibid, h.314.
- (40) Lihat Ibn Duraid, Kitāb Jamharat al-Lughat . 5/68.
- (41) Lihat ‘Abd al-Šabūr Syāhīn, al-‘Arabiyyat Lughat  
al-‘Ulūm Wa al-Taqniyyat, h.316, Abdullah Hasan,Dr.  
Linguistik Am, Fajar bakti, Petaling Jaya. Cetakan  
keenam, 1986, h.61.

- (42) Lihat <sup>“</sup>Abd al-Sabūr Syāhīn, Dr., *al-Ārabiyyat Lughat al-Ulūm Wa al-Taqniyyat*, h. 316.
- (43) Lihat ibid, h. 315.
- (44) Lihat ibid, h. 316.
- (45) Lihat ibid.
- (46) Lihat ibid.
- (47) Lihat al-Khafājiy, *Syifā<sup>?</sup> al-Ghalīl*, h. 23.
- (48) Sibawaih, *al-Kitāb*, 2/242.
- (49) Al-Jauhariy, *al-Sihāh*, 1/179 .
- (50) Lihat Sya<sup>”</sup>bān<sup>“</sup>Abd al-Azīm, Dr., *Qutūf Min Fiqh al-Ārabiyyat*, h.71.
- (51) Lihat al-Sayūtiy, *al-Muzhir*, 1/269., Imīl Bādi<sup>“</sup> Yaqūb, Dr., *Awāmil al-Tatawwur al-Lughawiy*, h.86.
- (52) Lihat al-Jawāliqiy, *al-Muarrab*, h.8.
- (53) Lihat ibid, h.21.
- (54) Lihat ibid, h.185.
- (55) Lihat ibid, h.69.
- (56) Lihat ibid, 233.
- (57) Lihat al-Sayūtiy, *al-Muzhir*, 1/269.

(58) Lihat ibid.

(59) Lihat ibid, h.270.

(60) Lihat Imīl Bādī<sup>“</sup>, Ya<sup>“</sup>qūb, Dr., Fiqh al-Lughat Wa Khasa<sup>”</sup> Pisuhā, h.221.

(61) Lihat ibid.

(62) Al-Anṭākiy, al-Wajiz Fi Fiqh al-Lughat, h.459.

(63) Lihat ibid.

(64) Lihat ibid, h. 460.

(65) Lihat ibid.

(66) Lihat Abd al-Sabūr Syāhīn, Dr.. al-Ārabiyyat Lughat al-Ulūm Wa al-Taqqiyyat, h.326.

(67) Lihat ibid.

(68) Lihat ibid.

(69) Lihat Sya<sup>“</sup>bān Abd al-<sup>“</sup>Azīm , Dr., Qutūf Min Fiqh al-Ārabiyyat, h.69.

(70) Lihat ibid, h.70.

(71) Lihat ibid.

(72) Lihat Imīl Bādī<sup>“</sup> Ya<sup>“</sup>qūb, Dr. ., Fiqh al-Lughat al-Ārabiyyat Wa Khasa<sup>”</sup> Pisuhā, 331.

- (73) Lihat al-Antākiy, al-Wajīz Fī Fiqh al-Lughat, h.458.
- (74) Lihat ibid, h.460, Imīl Badi<sup>ف</sup> Ya<sup>ه</sup>qūb, Dr., Fiqh al-Lughat al-Ārabiyyat, Wa khasā<sup>ه</sup>isuhā, h.222.
- (75) Lihat al-Antākiy, al-Wajīz Fī Fiqh al-Lughat, h.460, Imīl Badi<sup>ف</sup> Ya<sup>ه</sup>qūb, Dr., Fiqh al-Lughat al-Ārabiyyat Wa Khasā<sup>ه</sup>isuhā, h.222, Sya<sup>ه</sup>bān<sup>ه</sup> Abd al-<sup>ه</sup>Azīm, Dr., Qutūf Min Fiqh al-Ārabiyyat, h.70.
- (76) Ahmad<sup>ه</sup> Abd al-Rahman Hammād, Dr., Awāmil al-Tatawwur al-Lughawiy, h.105.
- (77) Lihat Sya<sup>ه</sup>bān<sup>ه</sup> Abd al-<sup>ه</sup>Azīm, Dr., Qutūf Min Fiqh al-Ārabiyyat, h.71.
- (78) Lihat Imīl Badi<sup>ف</sup> Ya<sup>ه</sup>qūb, Dr., Fiqh al-Lughat al-Ārabiyyat Wa Khasā<sup>ه</sup>isuhā, h.223.
- (79) Lihat Sya<sup>ه</sup>bān<sup>ه</sup> Abd al-<sup>ه</sup>Azīm, Dr., Qutūf Min Fiqh al-Ārabiyyat, h.62, Abd al-Sabūr Syāhīn, Dr., al-Ārabiyyat Lughat al-Ūlūm Wa al-Taqniyyat, h.332.
- (80) Lihat Abd al-Sabūr Syāhīn, Dr., al-Ārabiyyat Lughat al-Ūlūm Wa al-Taqniyyat, h.314.
- (81) Lihat Muqaddimat al-Mu<sup>ه</sup>jam al-Wasīt, h.16.
- (82) Lihat Sya<sup>ه</sup>bān<sup>ه</sup> Abd al-<sup>ه</sup>Azīm, Dr., Qutūf Min Fiqh Al-Ārabiyyat, h.36, Abd al-Rahman Hammād, Dr.,

Awāmil al-Tatawwur al-Lughawiy, h.150.

- 3) Lihat <sup>“</sup>Abd al-Sabūr Syāhīn, Dr., al-Ārabiyyat Lughat al-Ulūm Wa al-Taqniyyat, h.313.
- 4) Lihat Syābān <sup>“</sup>Abd al-Āzīm, Dr., Qutūf Min Fiqh al-Ārabiyyat, h.63.
- 5) Lihat ibid. Ṣubḥī Sāleḥ , Dr., Dirāsat Fi Fiqh al-Lughat, h.321.
- 6) Lihat <sup>“</sup>Abd al-Sabūr Syāhīn, Dr., al-Ārabiyyat Lughat al-Ulūm Wa al-Taqniyyat, h.332.
- 7) Lihat ibid.
- 8) Lihat Ṣubḥī Sāleḥ, Dr., Dirāsat Fi Fiqh al-Lughat, h.322.
- 9) Lihat Syābān <sup>“</sup>Abd al-Āzīm, Dr., Qutūf Min Fiqh al-Ārabiyyat, h.63.
- 10) Lihat <sup>“</sup>Abd al-Sabūr Syāhīn, Dr., al-Ārabiyyat Lughat al-Ulūm Wa al-Taqniyyat, h.330-331.

\*\*\*\*\*